



Pada 6 November 2025 yang lalu, Pusat Pembangunan Alumni (PPA) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Alumni Universiti Teknologi Malaysia, Johor sebagai usaha memperkukuh jaringan strategik antara kedua-dua institusi. Ketibaan delegasi PPA USM telah disambut mesra oleh pihak UTMAlumni, disusuli dengan satu pembentangan komprehensif oleh Penyelaras PPA UTMAlumni, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hisyam Rashidi. Beliau berkongsi perancangan serta halatuju strategik dalam merealisasikan aspirasi Bandar Alumni menjelang tahun 2030, satu visi besar yang turut membuka ruang kolaborasi antara universiti.

Sesi perbincangan dua hala antara USM dan UTM kemudiannya berlangsung dalam suasana yang produktif dan terbuka. Kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai pengurusan alumni, perkongsian program yang telah berjaya dilaksanakan, serta potensi penambahbaikan yang boleh digarap bersama. Selain itu, perbincangan turut menyentuh perancangan aktiviti bagi tahun 2026 termasuk inisiatif yang boleh diwujudkan secara bersama demi manfaat komuniti alumni kedua-dua universiti.

Sesi soal jawab turut diadakan bagi memberi ruang kepada wakil delegasi memperincikan isu, pendekatan serta cabaran semasa dalam usaha menggerakkan agenda alumni di institusi masing-masing. Pertemuan ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman tetapi juga membuka peluang kerjasama lebih strategik pada masa hadapan.



Lawatan Penanda Aras Pusat Pembangunan Alumni USM ke Pusat UTMAlumni



Penasihat: Ahmad Wafi Sahedan
Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Syahnaz Riza Sukor
Penyunting: Harnani Dzulkafli



Seterusnya, agenda diteruskan dengan Majlis Hi-Tea dan Jalinan Mesra bersama alumni USM Zon Selatan yang menjadi kemuncak kepada keseluruhan program lawatan. Majlis tersebut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat, iaitu YBrs. Prof. Dr. Wan Jaafar Wan Yahaya, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) USM, YBrs. Encik Mohd Ali Mohd Salleh, Ahli Lembaga Gabenor Universiti (LGU) USM serta Cik Sheilawanis Abdul Karim, Ketua Unit Biasiswa dan Unit Tajaan, BHEPA USM. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen tinggi universiti dalam memperkukuhkan hubungan dengan alumni di peringkat zon dan negeri.

Majlis Hi-Tea ini berjaya menghimpunkan lebih 50 orang alumni yang menetap dan berkhidmat di sekitar Johor Bahru dengan sebahagian besarnya merupakan pensyarah serta pegawai di UTM. Suasana ceria dan santai membuka ruang kepada para alumni untuk berinteraksi secara langsung, berkongsi pandangan serta mengemukakan soalan kepada TNC BHEPA dan wakil PPA. Sesi dialog ringkas ini menjadi platform penting untuk mendapatkan maklum balas berharga berhubung usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan alumni USM.

Menurut Haji Ali, majlis seumpama ini kali terakhir dianjurkan 14 tahun lalu di dewan yang sama di UTM. Oleh itu, ia menjadikan penganjurannya pada tahun ini begitu bermakna. Beliau menyatakan harapan agar program sebegini dapat diteruskan secara berkala dengan penglibatan yang lebih meluas pada masa hadapan, demi memastikan jaringan alumni USM di Zon Selatan terus kukuh, aktif dan memberikan impak positif kepada universiti.



Majlis Hi-Tea & Jalinan Mesra bersama Alumni USM

Zon Selatan